



**MENTERI SUMBER MANUSIA
KENYATAAN MEDIA**

PENANGGUHAN KELULUSAN KUOTA PENGGAJIAN PEKERJA ASING

1. Saya ingin memaklumkan bahawa setakat 14 Mac 2023, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah meluluskan sebanyak 995,396 kuota pengajian pekerja asing seperti pecahan berikut:
 - i) Sektor Pembinaan (342,106);
 - ii) Sektor Perkhidmatan (143,568);
 - iii) Sektor Perkilangan (387,122);
 - iv) Sektor Perladangan (76,325);
 - v) Sektor Perlombongan dan Pengkuarian (376); dan
 - vi) Sektor Pertanian (45,899).
2. Jumlah kelulusan kuota ini telah mengambilkira permohonan kuota pekerja asing yang diproses secara biasa dan menerusi Pelan Kelonggaran Pengajian Pekerja Asing yang merangkumi lima sektor kritikal iaitu Sektor Perkilangan, Pembinaan, Perladangan, Pertanian dan Perkhidmatan (Restoran sahaja). Kelulusan kuota pekerja asing setakat ini dijangka dapat memenuhi keperluan guna tenaga asing oleh industri termasuk di sektor kritikal.
3. Justeru itu, Kerajaan mengambil keputusan untuk menangguhkan permohonan dan kelulusan kuota pekerja asing termasuk melalui Pelan Kelonggaran Pengajian Pekerja Asing bermula Sabtu, 18 Mac 2023 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Ini adalah untuk memastikan bahawa majikan yang telah diberikan kelulusan kuota akan mula membuat perancangan bagi kemasukan segera pekerja asing yang diperlukan.

4. Saya menggesa semua majikan yang telah diluluskan kuota pekerja asing untuk menyegerakan proses kemasukan pekerja dalam tempoh masa ini. Tambahan pula, jumlah kemasukan pekerja asing adalah masih rendah berbanding jumlah kuota yang telah diluluskan oleh KSM.

YB TUAN V. SIVAKUMAR
MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
18 MAC 2023